

Pelajar perlu strategi berkesan capai kejayaan



Pelajar sedang menjalankan aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) ketika program motivasi itu diadakan.

Pelajar juga perlu mempunyai niat yang betul iaitu belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan demi sekolah, ibu bapa, agama dan negara.

■ ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Pelajar merupakan generasi pelapis dalam menentukan kemajuan pembangunan sebuah negara pada masa akan datang.

Oleh yang demikian, tenaga dan ilmu yang cukup diperlukan bagi melihat hasrat negara untuk terus maju mampu dicapai.

Menyedari hakikat itu, Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Isap dengan kerjasama Akademik Bina Ummah Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengadakan Program Motivasi SPM

2008 melibatkan 137 pelajar Tingkatan Lima sekolah itu.

Kaunselor Universiti Malaysia Pahang, Ahmad Jowel Nooh berkata, pelajar perlu mempunyai strategi berkesan untuk menjadi pelajar cemerlang.

"Untuk berjaya, banyak usaha perlu dilakukan kerana kejayaan tidak akan datang bergolek. Untuk itu, pelajar mempunyai niat yang betul iaitu belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan demi sekolah, ibu bapa, agama dan negara.

"Suasana belajar yang menarik juga menjadi faktor penarik untuk pelajar lebih berminat untuk mengulang kaji dan membuat latihan contohnya, persekitaran atau kediaan kondusif untuk belajar," katanya ketika menyampaikan ceramah motivasi kepada pelajar Tingkatan Lima sekolah

itu, semalam.

Jelasnya lagi, pelajar mempunyai pelbagai teknik yang boleh diaplikasikan bagi memudahkan proses ulang kaji selain menyenangkan untuk mengingat sesuatu fakta atau formula.

"Justeru, pelajar harus bijak menggunakan tips-tips dan teknik belajar yang guru berikan. Aplikasikan dengan berkesan seperti membuat nota ringkas yang menarik dan peta minda," jelasnya.

Sementara itu, Kaunselor SMK Sungai Isap, Norazizah Jusoh berkata, program motivasi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 08 itu juga bermatlamat untuk meningkatkan motivasi dan keyakinan pelajar untuk menghadapi peperiksaan selain mengenal pasti masalah pelajar dalam pembelajaran mereka.

"Melalui aktiviti yang dijalankan, pelajar men-

dapat pendedahan tentang hala tuju mereka, cabaran hidup sebagai mahasiswa di samping mengenal pasti keperluan dan kepentingan pengurusan masa berkesan serta berkualiti.

"Kadang-kadang mereka tidak tahu kelemahan masing-masing sehingga apabila dalam program motivasi sebegini mereka tersedar bahawa mereka perlu berusaha kerana akan menghadapi peperiksaan hujung tahun ini.

"Mereka perlu mengubah sikap kepada lebih berdikir dan bukan hanya bergantung pada guru untuk menyuntik semangat mereka," ujarnya.

Selain Ahmad Jowel, seorang lagi kaunselor UMP yang hadir ialah Mohd Saifuzaman Ghazali. Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program berlangsung.